Unisza terajui UCTC Pantai Timur

KUALA TERENGGANU - Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) telah diberi peranan sebagai menerajui Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC), yang mana institusi ini merupakan projek yang dirancang oleh Kementerian Pelajaran.

Naib Canselor Unisza, Prof Dr Yahaya Ibrahim berkata, program ini diadakan bagi mewujudkan satu pusat sehenti dan kumpulan pelayar-pelayar maklumat dan aktiviti antara pihak institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan juga komuniti di pantai timur.

Menurutnya, Unisza merupakan satu-satunya universiti yang mendahului universiti lain dari segi merancang dan melaksanakan program berkaitan pembelajaran bahasa Inggeris, keusahawanan, sukan, kepimpinan dan juga khidmat sosial yang lain.

"Segala maklumat berkaitan universiti di pantai timur, berkaitan kerjaya, program-program tanggungjawab sosial universiti boleh dirancang di situ," katanya.

> **"Unisza merupakan satu-satunya universiti yang mendahului universiti lain dari segi merancang dan melaksanakan program berkaitan pembelajaran bahasa Inggeris, keusahawanan, sukan, kepimpinan dan juga khidmat sosial yang lain."**
> - Yahaya

Menurutnya, program berkenaan melibatkan empat universiti iaitu Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Universiti Malaysia Pahang (UMP) Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Politeknik serta Kolej Komuniti di ketiga-tiga negeri di mana kesemuanya di bawah Kementerian Pelajaran.

Mengulas lanjut, beliau berkata, universiti tersebut juga turut menyediakan latihan imam, mutawif dan sebagainya yang bersifat lebih Islamik dan dari situ boleh melihat bahawa kewujudan sesebuah universiti itu bukan hanya sekadar mengajar pelajar sepenuh masa, tetapi juga merupakan pusat pembelajaran sepanjang hayat yang terbuka kepada semua.

SINAR HARIAN 8/6/2014